



ZAKARIA NASIRUDIN



SEBAHAGIAN tetamu yang hadir pada forum bertajuk *Sukarkah Baca Al-Quran di Alam Melayu?* di UKM, Bangl, baru-baru ini.



MOHAMMAD IBRAHIM

Perlu tonjolkan akhlak, adab Islam ketika berinteraksi

BENARKAH dikatakan bahawa semangat orang Melayu untuk mahir membaca al-Quran bakal menjadi lebih kuat jika persekitaran mereka dikelilingi oleh kaum sendiri.

Tanggapan itu mungkin benar kerana hampir 100 peratus Melayu adalah beragama Islam. Justeru, mereka lebih memahami sebab musabab dan kepayahan anak muda belajar membaca kitab suci Islam tersebut.

Mereka juga sanggup menyalurkan bantuan kewangan dan sokongan fizikal jika ada mana-mana sekolah agama atau pusat tahfiz berdepan dengan kesukaran untuk beroperasi.

Namun begitu, dua pendakwah Islam yang ditemui pada wacana *'Sukarkah Baca al-Quran di Alam Melayu'* di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangl, Selangor, baru-baru ini, menolak tanggapan tersebut.

Wacana anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM itu menampilkan Pengasas Akademik Tahfiz Mandarin (ATM) di Pulau Ketam (Selangor), **Mohammad Ibrahim (Ustaz Mad Cina)** dan Pengasas Kaedah Haraki, **Zakaria Nasirudin**.

Kedua-dua pendakwah tersebut lebih melihat kepada sejauh manakah keinginan seseorang anak Melayu itu untuk mahir membaca al-Quran

ragam & pengajaran

Oleh **HASHNAN ABDULLAH**
agama@utusan.com.my



dan kaedah pembelajaran yang diterapkan.

Bagi Mad Cina, walaupun akademi tahfiz milik beliau di Pulau Ketam, Selangor yang hampir 99 peratus dihuni oleh kaum Cina bukan beragama Islam, para pelajarnya tidak berdepan masalah untuk memahirkan bacaan dan hafazan.

Apa yang penting adalah usaha berterusan yang beliau bersama tenaga pengajar akademik tersebut lakukan bagi meningkatkan dan memantapkan semangat mempelajari al-Quran dalam kalangan pelajar.

"Dalam masa sama, kami juga amalkan pendekatan bermuamalah (berurusan) dengan penduduk setempat setiap hari dalam pelbagai hal sejak hari pertama akademi itu beroperasi.

"Hasilnya setakat ini, rata-rata penduduk menerima kami dan keadaan itu menimbulkan suasana positif untuk perkembangan akademik pelajar," katanya.

Pendekatan sedemikian tidak terhenti di situ sahaja. Pihak pengurusan akademi turut menganjurkan pelbagai majlis keramaian dengan penduduk setempat dan antaranya, sambutan Tahun Baharu Cina dan rumah terbuka Aidilfitri pada tahun lalu.

"Sejak bulan lalu, kami turut memulakan program gotong royong membersihkan jalan awam atau jeti daripada najis binatang dan lain-lain kekotoran," katanya.

ADA KELEBIHAN

Dalam masa sama, Mad Cina turut mengakui suasana tersebut memberi peluang terbaik kepada pelajar-pelajar mempelajari dan memahirkan diri untuk berbahasa Mandarin.

Ini kerana, beliau menambah, sesi pembelajaran bahasa Mandarin tidak hanya di kelas-kelas tetapi juga ketika berurusan dengan penduduk setempat.

"Selepas waktu asar, pelajar dibenarkan melakukan aktiviti bebas di luar asrama. Ada yang berbasikal, membeli di kedai runcit, memancing, melakukan aktiviti rekreasi bersama penduduk setempat dan macam-macam lagi," katanya.

Namun begitu, Mad Cina memberitahu, beliau sering mengingatkan pelajar dan



MESRA... Mohammad Ibrahim bermesra bersama penduduk setempat dalam satu majlis keramaian yang diadakan di Pulau Ketam, Selangor, baru-baru ini.

tenaga pengajar agar tidak membicarakan soal kepercayaan dengan penduduk setempat tetapi perlu lebih menonjolkan akhlak dan adab Islam.

Beliau juga melarang pelajarnya memakai jubah atau serban sebagai pakaian harian. Pakaian itu hanya dibenarkan pada hari Jumaat antara pukul 12.30 tengah hari hingga 2 petang sahaja.

Ini kerana beliau yakin soal akidah atau pengislaman akan berlaku dengan sendiri tanpa perlu ada unsur paksaan atau

sogokan tertentu.

"Saya sendiri tidak pernah buat apa-apa kempen pengislaman kepada penduduk setempat tetapi kalau ada aktiviti kemasyarakatan, seperti gotong royong bersihkan jalan atau jeti, sambutan penduduk setempat amat baik," katanya.

PERLU KAEHAD DINAMIK

Bagi pengasas Kaedah Haraki, Zakaria pula menyifatkan

pendekatan pembelajaran al-Quran perlu berubah mengikut kehendak dan keperluan semasa masyarakat.

Ini kerana, bagi beliau, keengganan atau sikap masih percaya kepada pendekatan lama menyebabkan al-Quran menjadi semakin jauh daripada umat Islam.

"Sepatutnya, kaedah pembelajaran bukan untuk menghabiskan masa dengan belajar tajwid sahaja tetapi perlu fokus memahirkan pembacaan dan memahami al-Quran," kata Zakaria.

Sejajar dengan itu, beliau tampil dengan Kaedah Haraki iaitu satu kaedah yang digunakan untuk belajar membaca al-Quran dengan tajwid yang betul dan tepat sama ada untuk kanak-kanak mahupun golongan dewasa.

Ia melibatkan pergerakan anggota tubuh badan terutama pergerakan tangan yang digabungkan dengan beberapa buah lagu berkaitan dengan cara mengenal huruf hijayah (huruf jawi) dan cara membaca al-Quran bertajwid bagi memudahkan pelajar mengingatkannya.

"Dalam kaedah ini, saya terapkan elemen tanan, nyanyian, karaoke dan melukis kerana saya mahu mewujudkan suasana santai sepanjang sesi pembelajaran berlangsung," katanya.